

Insurans Berkaitan Pelaburan

GenCreator

Hadiah Perlindungan



Ahli PIDM

PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Life Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).



Pengenalan

Kehidupan sentiasa berubah. Apabila anda melalui pelbagai peringkat kehidupan, sama ada membeli rumah pertama, membina keluarga, menyambut kelahiran cahaya mata, atau memulakan perniagaan sendiri, satu perkara yang kekal adalah keperluan untuk perlindungan yang bermakna bagi masa depan anda.

Kenali **GenCreator**, direka khusus untuk menyokong anda melalui setiap peringkat kehidupan anda. Ia merupakan pelan insurans berkaitan pelaburan dengan premium berkala yang direka untuk membantu anda mencapai matlamat kewangan dengan fleksibiliti yang lebih baik dan keyakinan. **GenCreator** membolehkan anda menyesuaikan perlindungan mengikut keperluan dan keutamaan anda yang sentiasa berubah melalui pilihan bayaran premium serta tempoh perlindungan yang fleksibel.

Selain perlindungan, **GenCreator** turut membantu mengembangkan simpanan anda dengan akses kepada pelbagai pilihan dana-berkaitan pelaburan, yang dipertingkatkan lagi melalui **Bonus Kesetiaan dan Peningkatan Kesetiaan** bagi mengukuhkan potensi pertumbuhan jangka panjang anda. Dengan **pembaharuan automatik yang terjamin sehingga umur 100 tahun**, anda boleh merancang dan memelihara legasi kewangan anda dengan yakin sepanjang hayat.



Manfaat Sekilas Lalu



Perlindungan yang boleh Disesuaikan Mengikut Perancangan Hidup Anda

Pilihan Pembayaran Premium dan Tempoh Perlindungan yang Fleksibel

Pilih daripada pelbagai tempoh perlindungan yang sesuai dengan keperluan perancangan jangka panjang anda, disertai dengan pilihan tempoh pembayaran premium yang fleksibel untuk memberikan anda kawalan yang lebih besar ke atas cara dan tempoh pembiayaan pelan anda.

Pilihan Tempoh Perlindungan:

15, 20, 25 atau 30 tahun, atau perlindungan sehingga umur 60, 70 atau 80 tahun

Pilihan Tempoh Pembayaran Premium:

5, 10, 15, 20 tahun, atau bayaran premium sehingga tamat tempoh perlindungan¹



Perlindungan Boleh Dipercayai untuk Perkara yang Paling Penting

Manfaat Kematian dan Hilang Upaya Menyeluruh & Kekal (TPD)

Nikmati perlindungan bagi Kematian dan TPD bermula dari RM350,000 untuk menjamin masa depan kewangan keluarga anda daripada ketidakpastian hidup. Sekiranya berlaku Kematian atau TPD² (sebelum umur 70 tahun), anda atau keluarga anda akan menerima jumlah yang lebih tinggi daripada:

- Nilai Akaun (jika ada); atau
- Jumlah Perlindungan Asas setelah ditolak pengeluaran³



Kesinambungan Perlindungan yang Terjamin

Jaminan Tidak Luput

Tanpa mengira prestasi pasaran, polisi anda dijamin kekal berkuat kuasa untuk 6 tahun polisi pertama, dengan syarat premium anda dibayar tepat pada masanya dan tiada sebarang pengeluaran dibuat.

Fungsi Pembaharuan Secara Automatik

Polisi anda akan diperbaharui secara automatik sehingga umur 100, tanpa bukti insurabiliti pada akhir tempoh perlindungan pembaharuan, dengan syarat nilai akaun mencukupi untuk menolak sebarang caj insurans atau caj perkhidmatan.



Pertumbuhan Simpanan Anda yang Lebih Pantas

Bonus Kesetiaan⁴

Pada akhir setiap 2 tahun polisi bermula dari ulang tahun polisi ke-6 dan seterusnya, tambahan 0.5% daripada purata nilai akaun bulanan dalam 2 tahun sebelumnya akan dikreditkan ke dalam nilai akaun anda.

Peningkatan Kesetiaan⁴

Pada ulang tahun polisi ke-20, tambahan 20% daripada purata nilai akaun bulanan dalam 10 tahun sebelumnya akan dikreditkan ke dalam nilai akaun anda. Jumlah maksimum yang akan dibayar adalah 20% daripada Jumlah Asas Diinsuranskan anda.

Manfaat Matang

Jika polisi anda masih berkuat kuasa apabila anda mencapai umur 100, anda akan menerima nilai yang lebih tinggi di antara:

- Nilai Akaun (sekiranya ada); atau
- Jumlah Asas Diinsuranskan ditolak pengeluaran⁵

Manfaat Sekilas Lalu



Dana Pelaburan
Tersuai Selaras
dengan
Matlamat Anda

Pelbagai Pilihan Dana

Pelbagai jenis dana pelaburan yang disesuaikan untuk memenuhi matlamat simpanan dan kesesuaian risiko anda, termasuk pilihan global dan tempatan yang sesuai dengan strategi pelaburan anda.

Global	Tempatan
Select Bond Fund	Active Bond Fund
Select Balanced Fund	Active Balanced Fund
Asia Pacific Growth Fund	Dana Imbang ⁶
Global Equity Fund	Dana Income Plus ⁶
Dana Islamic Asia Pacific Dynamic Equity ⁶	Select Dividend Fund
	Select Income Fund
	Select Opportunity Fund



Fleksibiliti
Berterusan untuk
Keperluan yang
Sentiasa
Berubah

Pertukaran Dana

Tukar di antara mana-mana dana pelaburan pada bila-bila masa, percuma tanpa caj, membolehkan anda menyesuaikan strategi pelaburan mengikut keadaan pasaran atau perubahan selera risiko anda.

Pelepasan Premium

Nikmati fleksibiliti untuk berehat daripada membayar premium tanpa dikenakan sebarang caj, selagi Nilai Akaun anda mencukupi untuk menampung caj insurans yang berterusan dan caj polisi lain yang berkaitan.

Pengeluaran Separa

Akses ke Nilai Akaun anda apabila anda memerlukannya, memberikan fleksibiliti kewangan untuk sebarang kejadian kecemasan, tertakluk kepada sebarang Caj Pengeluaran Separa untuk 2 tahun polisi yang pertama.



Akses Mudah
kepada
Perlindungan
yang Bermakna

Had perlindungan tanpa perubatan yang tinggi

Dapatkan perlindungan sehingga RM4 juta tanpa perlu menjalani pemeriksaan perubatan, tertakluk kepada umur kemasukan dan keadaan kesihatan anda.

Tertakluk kepada Terma dan Syarat

- ¹ Sekiranya tempoh pembayaran premium yang dipilih adalah sepanjang tempoh perlindungan, premium perlu terus dibayar semasa tempoh pembaharuan apabila pembaharuan automatik dilaksanakan.
- ² Bayaran maksimum untuk TPD adalah tertakluk kepada RM4 juta setiap hayat.
- ³ Sebarang pengeluaran yang dibuat dalam tempoh 12 bulan yang lalu dari tarikh berlakunya peristiwa dilindungi.
- ⁴ Polisi mestilah kekal berkuat kuasa, dan semua premium perlu dibayar sehingga terkini bagi membolehkan bonus dibayar.
- ⁵ Sebarang pengeluaran yang dibuat sejak polisi berkuat kuasa.
- ⁶ Dana ini melabur dalam pelaburan patuh Syariah, walau bagaimanapun, pelan insurans berkaitan pelaburan ini bukan merupakan produk yang mematuhi Syariah.

Bagaimana ia Berfungsi?

Membeli rumah pertama merupakan satu pencapaian besar dalam kehidupan yang disertai dengan komitmen kewangan jangka panjang. Bagi membantu mengurus keperluan perlindungan yang datang bersama tanggungjawab ini, Benjamin memilih **GenCreator** sebagai sebahagian daripada strategi perancangan kewangannya, memberikan beliau ketenangan fikiran yang lebih tinggi terhadap kejadian yang tidak dijangka.

Butiran Pelanggan



30 Tahun



Lelaki



Tidak Merokok



Benjamin memilih **GenCreator**.

- Tempoh Pembayaran Premium: **20 tahun**
- Tempoh Perlindungan: **Tempoh permulaan 30 tahun, dengan pembaharuan secara automatic sehingga umur 100**
- Premium Bulanan: **RM400**
- Jumlah Premium Dibayar: **RM96,000**
- Basic Sum Insured: **RM500,000**
- 100% Asia Pacific Growth Fund



Beliau menikmati perlindungan yang tinggi sepanjang tempoh perlindungan awal. Sekiranya berlaku Kematian atau TPD, beliau atau keluarganya akan menerima **RM500,000**.

ATAU



Jika beliau masih hidup sehingga tamat tempoh awal selama 30 tahun, polisi akan diperbaharui secara automatik untuk tempoh pembaharuan selama 30 tahun, sehingga maksimum umur 100 tahun tanpa memerlukan bukti insurans. Beliau boleh memilih salah satu daripada pilihan berikut:



Menamatkan polisi pada akhir tempoh awal, dan akan menerima Nilai Akaun sebanyak **RM125,356**; atau



Meneruskan perlindungan sehingga umur 100 tahun untuk ketenangan fikiran. Sekiranya beliau masih hidup sehingga umur 100 tahun, beliau akan menerima Manfaat Kematangan secara sekaligus. Jumlah Manfaat Kematangan yang dibayar adalah bersamaan dengan jumlah yang lebih tinggi antara **RM500,000** atau **Nilai Akaun** pada ketika itu.

Nota:

- Premium yang dicadangkan di atas adalah berdasarkan kesihatan standard dan premium sebenar mungkin berbeza.
- Pembaharuan secara automatik tertakluk kepada kecukupan Nilai Akaun untuk menolak Caj Perkhidmatan dan Caj Insurans terpakai sehingga akhir tempoh pembaharuan.
- Manfaat yang diunjurkan adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak digambarkan mengikut sebarang skala.
- Nilai Akaun diunjurkan dengan mengandaikan premium dibayar sehingga kini dan tiada pengeluaran separa dibuat. Ianya adalah berdasarkan pulangan pelaburan kasar sebanyak 5% setahun untuk senario tinggi (Senario Y). Unjuran Nilai Akaun berdasarkan pulangan pelaburan kasar sebanyak 2% setahun bagi senario rendah (Senario X) bersamaan dengan RM63,860. Ia tidak dijamin atau berdasarkan prestasi masa lalu.
- Manfaat Kematangan yang diunjurkan mengandaikan bahawa tiada pengeluaran telah dibuat sejak polisi berkuat kuasa.
- Sila ambil perhatian bahawa contoh di atas hanya untuk tujuan ilustrasi sahaja. Sila rujuk ilustrasi jualan dan lampiran penerangan produk untuk maklumat lanjut.

Soalan Kerap Ditanya

1. **Siapakah yang boleh diinsuranskan di bawah GenCreator?**

Sesiapa yang berumur antara 15 hari hingga 70 tahun mengikut tempoh perlindungan yang dipilih seperti di dalam jadual di bawah:

Pilihan Tempoh Perlindungan	Umur Kemasukan	
	Minimum	Maksimum
15 tahun	15 tahun	70 tahun
20 tahun	20 tahun	70 tahun
25 tahun	25 tahun	70 tahun
30 tahun	30 tahun	70 tahun
Sehingga umur 60 tahun	Sehingga umur 60 tahun	45 tahun
Sehingga umur 70 tahun	Sehingga umur 70 tahun	55 tahun
Sehingga umur 80 tahun	Sehingga umur 80 tahun	65 tahun

2. **Berapa lamakah saya perlu membayar premium?**

Premium boleh dibayar untuk 5 tahun, 10 tahun, 15 tahun, 20 tahun atau sehingga tamat tempoh perlindungan. Anda boleh membayar premium anda secara bulanan, suku tahun, separuh tahun atau tahunan.

Contoh Pilihan Pembaharuan Premium:

Seorang lelaki, tidak merokok, umur 30, membeli GenCreator dengan jumlah diinsuranskan RM500,000, 30 tahun tempoh pembayaran premium dan memilih 100% Dana Asia Pacific Growth. Tempoh Permulaan pelan adalah 30 tahun, di mana akan diperbaharui secara automatic setiap 30 tahun, sehingga umur 100 tahun. Ilustrasi di bawah menunjukkan anggaran premium apabila mencapai pembaharuan untuk premium tidak tetap (Alternatif 1) dan premium tetap (Alternatif 2) untuk meningkatkan kemampuan polisi sehingga umur 100 tahun.

Pelan Semasa – Tanpa Pembaharuan (Perlindungan sehingga akhir Tempoh Permulaan)	Alternatif 1 – Dengan Pembaharuan (Premium Tidak Tetap)	Alternatif 2 – Dengan Pembaharuan (Premium Tetap)
RM2,500 Premium Tahunan Berkala dari tahun polisi pertama hingga ke-30.	RM2,500 Premium Tahunan Berkala dari tahun polisi pertama hingga ke-70 + Tambahan Premium Tambah Nilai Berkala yang disarankan sebanyak RM25,100 untuk tahun polisi ke-61 hingga ke-70	RM2,500 Premium Tahunan Berkala dari tahun polisi pertama hingga ke-70 + Tambahan Premium Tambah Nilai Berkala yang disarankan sebanyak RM150 untuk tahun polisi pertama hingga ke-70
Jumlah premium dibayar (untuk oerlindungan sehingga umur 60 tahun): RM75,000	Jumlah premium dibayar (untuk oerlindungan sehingga umur 100 tahun): RM426,000	Jumlah premium dibayar (untuk oerlindungan sehingga umur 100 tahun): RM185,500

3. **Berapakah jumlah minimum Jumlah Asas Diinsuranskan di bawah GenCreator?**

Jumlah minimum Jumlah Asas Diinsuranskan ialah RM350,000.

Soalan Kerap Ditanya

4. Berapakah peruntukan premium untuk dana berkaitan-pelaburan?

Peruntukan Premium untuk Premium Berkala Pelan Asas adalah seperti yang dinyatakan di dalam jadual di bawah dan berdasarkan tempoh pembayaran premium yang telah anda pilih.

Tempoh Pembayaran Premium	Tahun Polisi (% daripada Premium Asas)								
	1	2	3	4	5	6	7	8	9 dan ke atas
5 tahun	75	80	95	100	100	-	-	-	-
10 tahun	70	75	80	90	95	95	100	100	100
15 tahun	65	70	70	80	85	90	100	100	100
16 tahun	65	65	70	80	85	90	95	100	100
17 tahun	60	65	70	80	85	85	95	100	100
18 tahun	60	65	70	80	80	85	95	95	100
19 tahun	60	60	70	80	80	80	95	95	100
20 tahun dan ke atas	60	60	60	80	80	80	95	95	100

Untuk Premium Tambah Nilai dan Premium Sekaligus, peruntukan premium ialah 95%.

5. Bagaimanakah saya boleh mengikuti prestasi dana?

Harga-harga unit disiarkan setiap hari di laman web rasmi kami di www.general.com.my

6. Apakan yuran dan caj yang dikenakan?

Fi dan caj berikut adalah tidak terjamin dan mungkin berubah dari semasa ke semasa. Kami akan memaklumkan kepada anda secara bertulis tidak kurang daripada 90 hari atau tempoh yang lebih singkat seperti yang dipersetujui dengan pengawal selia tentang sebarang perubahan fi atau mengenakan fi baharu.

Caj Perkhidmatan	RM6 sebulan dikenakan untuk Pelan Asas						
Caj Insurans	Caj insurans ditolak setiap bulan daripada nilai unit-unit anda untuk membayar perlindungan insurans anda. Caj insurans berbeza berdasarkan umur tercapai, jantina, pekerjaan, kadar perubatan dan status merokok. Caj insurans akan bertambah apabila usia anda semakin meningkat.						
Penukaran Dana	Tiada caj bagi penukaran dana. Jumlah minimum untuk penukaran mestilah sekurang-kurangnya RM1,000.						
Caj Pengeluaran Separa	Caj pengeluaran separa dikenakan jika terdapat sebarang pengeluaran dalam tempoh 2 tahun pertama mengikut kadar seperti jadual di bawah <table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>Caj Pengeluaran Separa</th></tr><tr><td>1</td><td>20% daripada jumlah pengeluaran</td></tr><tr><td>2</td><td>10% daripada jumlah pengeluaran</td></tr></table> Caj pengeluaran separa akan ditolak daripada amaun pengeluaran dan hanya jumlah bersih akan dibayar kepada anda. Jumlah minimum untuk pengeluaran ialah RM1,000 dan baki akaun mesti berjumlah sekurang-kurangnya RM1,000.	Tahun Polisi	Caj Pengeluaran Separa	1	20% daripada jumlah pengeluaran	2	10% daripada jumlah pengeluaran
Tahun Polisi	Caj Pengeluaran Separa						
1	20% daripada jumlah pengeluaran						
2	10% daripada jumlah pengeluaran						
Caj Penyerahan	Caj Penyerahan dikenakan jika polisi diserahkan dalam tempoh 2 tahun pertama mengikut kadar seperti jadual di bawah. <table><tr><th>Tahun Polisi</th><th>Caj Penyerahan</th></tr><tr><td>1</td><td>20% daripada Nilai Akaun</td></tr><tr><td>2</td><td>10% daripada Nilai Akaun</td></tr></table> The Surrender Charge shall be deducted from the Account Value and only the net amount will be payable to you.	Tahun Polisi	Caj Penyerahan	1	20% daripada Nilai Akaun	2	10% daripada Nilai Akaun
Tahun Polisi	Caj Penyerahan						
1	20% daripada Nilai Akaun						
2	10% daripada Nilai Akaun						

Soalan Kerap Ditanya

Fund
Management
Charge

Nama Dana	Caj Dana Pengurusan	Caj Lain
Select Bond Fund	1.00% setahun	-
Dana Income Plus*	1.00% setahun	-
Active Bond Fund	1.00% setahun	-
Dana Imbang*	1.25% setahun	-
Active Balanced Fund	1.25% setahun	-
Select Balanced Fund	1.50% setahun	-
Select Income Fund	1.50% setahun	-
Select Dividend Fund	1.50% setahun	-
Asia Pacific Growth Fund	1.50% setahun	-
Select Opportunity Fund	1.50% setahun	-
Global Equity Fund	-	1.80% setahun**
Dana Islamic Asia Pacific Dynamic Equity*	-	1.80% setahun**

* Dana ini melabur dalam pelaburan patuh Syariah, walau bagaimanapun, pelan insurans berkaitan pelaburan ini bukan merupakan produk yang mematuhi Syariah.

** Caj ini dikenakan ke atas Dana Pendasar oleh Pengurus Dana Pendasar.

7. Bolehkah saya menyerahkan polisi saya?

Ya. Anda boleh menyerahkan polisi anda untuk Nilai Akaun (jika ada). Walau bagaimanapun, ia mungkin tidak menguntungkan anda jika anda menyerahkan polisi anda. Sekiranya anda menyerahkan polisi anda pada tahun-tahun terawal, anda mungkin mendapat kurang daripada jumlah premium yang telah anda bayar.

NOTA PENTING

Kami percaya bahawa adalah penting untuk anda meneliti dan memahami sepenuhnya kesemua manfaat dan caj di bawah pelan anda.

1. Pelan insurans ini diunderait oleh Generali Life Insurance Malaysia Berhad 200601003992 (723739-W) ("Kami"), syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.
2. GenCreator ialah pelan insurans dengan pembayaran premium berkala yang menawarkan gabungan perlindungan insurans dan pelaburan. Pada akhir tempoh perlindungan, pelan ini akan diperbaharui secara automatik tanpa underait sehingga akhir tempoh pembaharuan atau umur 100, yang mana lebih awal dengan syarat nilai akaun mencukupi untuk menolak caj perkhidmatan dan caj insurans.
3. Ini adalah produk insurans yang terikat dengan prestasi aset-aset pendasar dan bukan produk pelaburan tulen seperti unit amanah.
4. Manfaat polisi akan berubah berdasarkan prestasi dana pilihan anda. Risiko pelaburan di bawah pelan ini akan ditanggung sepenuhnya oleh anda.
5. Anda seharusnya mendapatkan dan mengkaji ilustrasi jualan untuk pelan ini, dengan memberi perhatian khusus kepada manfaat yang tidak dijamin.
6. Anda hendaklah berpuas hati bahawa pelan ini adalah yang terbaik untuk memenuhi keperluan anda dan premium yang perlu dibayar adalah jumlah yang mampu anda bayar.
7. Membeli polisi hayat premium berkala memerlukan komitmen jangka panjang dan anda tidak digalakkan memegang polisi untuk tempoh yang singkat memandangkan kos permulaannya adalah tinggi. Jika anda menyerahkan polisi ini sebelum ia matang, anda mungkin memperoleh jumlah yang lebih kurang daripada jumlah yang telah dibayar.
8. Anda diberi tempoh tangguh tiga puluh satu (31) hari selepas tarikh akhir bagi membuat bayaran premium anda. Jika anda tidak membayar premium anda selepas tempoh Tangguh, Nilai Akaun anda (jika ada) anda akan ditolak bagi mana-mana caj insurans dan caj perkhidmatan polisi. Jika Nilai Akaun tidak mencukupi untuk potongan, maka polisi anda akan luput.
9. Jika anda tidak berpuas hati dengan polisi ini, anda boleh membatalkan polisi anda dengan memulangkan polisi dalam tempoh lima belas (15) hari dari tarikh polisi diterima. Kami akan memulangkan premium yang tidak diperuntukkan, nilai unit yang telah diperuntukkan (jika ada) pada tarikh penilaian akan datang dan apa-apa caj insurans dan caj perkhidmatan yang telah ditolak selepas menolak mana-mana perbelanjaan perubatan yang ditanggung.
10. Sekiranya anda tidak membayar premium, pelepasan premium akan digunakan untuk polisi asas dan rider penolakan unit anda di mana hanya caj berkaitan yang dikenakan akan ditolak daripada Nilai Akaun. Pelepasan premium akan berterusan selagi Nilai Akaun dalam polisi anda adalah mencukupi untuk membayar caj yang berkaitan dan anda harus mempertimbangkan tentang kemungkinan polisi anda luput apabila caj yang dikenakan melebihi Nilai Akaun.
11. Polisi ini dijamin akan terus berkuat kuasa dalam tempoh 6 tahun polisi pertama dengan syarat kesemua premium telah dibayar, tiada pengeluaran dibuat daripada Nilai Akaun polisi, tiada penambahan Jumlah Asas Diinsuranskan atau penambahan tambahan dan tiada pengurangan premium selepas tarikh polisi dikeluarkan.

NOTA PENTING

12. Pelan insurans ini tidak melindungi:

- a. Kematian disebabkan oleh:
 - i. bunuh diri dalam tempoh 12 bulan dari tarikh polisi dikeluarkan atau sebarang tarikh pengembalian semula polisi ini, yang mana terkemudian;
 - ii. perang, termasuk namun tidak terhad kepada pencerobohan, pemberontakan, revolusi, penentangan terhadap kerajaan, rampasan kuasa oleh tentera, penyertaan dalam rusuhan, mogok, dan kekacauan awam;
 - iii. terlibat dalam sukan berisiko seperti mendaki gunung, turun tebing menggunakan tali, meredah jeram, apa jua bentuk perlumbaan selain berjalan kaki, atau apa-apa pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan;
 - iv. cubaan atau perlakuan serangan, keganasan atau sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Orang yang Diinsuranskan;
 - v. penggunaan atau semasa berada di bawah pengaruh dadah narkotik, bahan psikotropik, pengambilan alkohol secara berlebihan (melebihi had yang ditetapkan), atau penyalahgunaan bahan lain.
- b. TPD disebabkan oleh:
 - i. apa-apa kecederaan diri yang disengajakan atau bunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman;
 - ii. perang, termasuk namun tidak terhad kepada pencerobohan, pemberontakan, revolusi, penentangan terhadap kerajaan, rampasan kuasa oleh tentera, penyertaan dalam rusuhan, mogok, dan kekacauan awam.
 - iii. apa-apa kecederaan, penyakit, sakit atau hilang upaya yang sedia ada atau berulang yang dialami oleh Orang yang Diinsuranskan sebelum Tarikh Polisi Dikeluarkan atau mana-mana tarikh pengembalian semula Polisi ini, mengikut yang mana terkemudian;
 - iv. terlibat dalam aktiviti berbahaya seperti bertinju, bermain ski, bergusti, terjun junam, mendaki gunung, turun tebing menggunakan tali, berakut di sungai, meredah jenam, apa jua bentuk perlumbaan selain berjalan kaki, atau apa-apa pertandingan menguji kelajuan atau ketahanan;
 - v. terlibat dalam sebarang aktiviti udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang menggunakan perkhidmatan udara awam yang berlesen;
 - vi. cubaan atau perlakuan serangan, keganasan atau sebarang tindakan yang menyalahi undang-undang oleh Orang yang Diinsuranskan; atau
 - vii. penggunaan atau semasa berada di bawah pengaruh dadah narkotik, bahan psikotropik, pengambilan alkohol secara berlebihan (melebihi had yang ditetapkan), atau penyalahgunaan bahan lain.

Nota: Senarai ini adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian serta terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

13. Risalah ini hanya mengandungi maklumat umum mengenai produk dan tidak mewakili polisi dalam apa jua cara sekalipun. Untuk penerangan terperinci tentang terma-terma dan syarat-syarat dan pengecualian produk ini, sila rujuk kepada lampiran penerangan produk, ilustrasi jualan dan polisi rasmi yang dikeluarkan oleh Kami.
14. Untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada anda, sila beritahu kami dengan segera jika terdapat sebarang perubahan atau penambahan kepada maklumat peribadi dan/atau maklumat pekerjaan anda, termasuk perubahan/penambahan tanpa had ke atas kewarganegaraan atau tempat tinggal.

Kami mempunyai pelbagai jenis pelan insurans
untuk memenuhi keperluan kewangan anda
pada setiap peringkat kehidupan yang berbeza

PERLINDUNGAN

PERUBATAN

SIMPANAN

INSURANS BERKAITAN PELABURAN

Generali Life Insurance Malaysia Berhad

200601003992 (723739-W)

Generali Customer Service Centre
Level 1, Menara Generali, 27, Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia



www.generali.com.my



1 300 13 2121 or +603 3007 2121



customer.service.life@generali.com.my

